

Oleh **NURUL DAYANA SIMANGON**  
dayans@sph.com.sg

KEMENTERIAN Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan (MCYS) akan menjalankan pemeriksaan di 800 pusat penjagaan kanak-kanak setelah bilangan kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) melonjak.

Perangkaan Kementerian Kesihatan (MOH) menunjukkan lebih 6,487 jangkitan HFMD berlaku tahun ini – lebih tinggi berbanding 6,070 kes tahun lalu dan sekitar 4,822 kes antara 2005 dengan 2009.

Perangkaan itu ialah bagi tempoh yang berakhir pada 17 April lalu.

Bagi tempoh mingguannya, lebih 572 kes HFMD dilaporkan minggu lalu (11-17 April), iaitu 30 peratus lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Bagi mengekang penularan

# Kes melonjak, 800 tajaka akan dipantau

HFMD, MCYS akan juga mengedarkan 52,000 risalah kesihatan kepada ibu bapa supaya mereka memahami risiko HFMD dan mengambil langkah-langkah sesuai termasuk menerapkan amalan kebersihan di kalangan anggota keluarga mereka.

Demikian menurut jurucakap MCYS dan MOH semalam ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan *Ber-*

*ita Harian.*

Menurut MCYS, sekitar 250 pusat penjagaan kanak-kanak telah dilawati dan menjalani pemeriksaan sejak awal Mac lalu.

“Ketika pemeriksaan dijalankan, MCYS antara lain akan memastikan pusat penjagaan itu mengamalkan pemeriksaan kesihatan seperti memeriksa suhu badan secara kerap serta mengamalkan prosedur mencuci tangan dengan cara yang

betul.

“Pemeriksaan yang dijalankan adalah bagi memastikan pusat-pusat itu dapat memperingkatkan tahap kebersihan agar penularan penyakit dapat dielakkan dengan lebih berkesan.

“Ia juga bertujuan mengingatkan pusat-pusat tersebut akan kepentingan terus menyedaikan sekitaran yang bersih dan selamat bagi kanak-kanak,” ujar kementerian itu.

HFMD sering terjadi di Singapura, dengan kanak-kanak dijangkiti virusnya hampir setiap hari.

Tanda-tanda penyakit itu termasuk demam, pening, sakit tekak dan ruam panas, terutamanya di tangan, kaki dan dalam mulut.

Ia merebak menerusi cecair daripada badan, menyebabkan ia mudah dijangkiti kanak-kanak yang berkongsi alat mainan, yang mungkin telah dimasukkan ke mulut mereka.